

## Pembangunan Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) Bahasa Melayu: Analisis Keperluan Guru

### *Verb Vocabulary Module development (KOKAJA): A Needs Analysis of Teachers*

Thilagavati Maniam<sup>1</sup>, Norwaliza Abdul Wahab<sup>2</sup> & Mariyati Mohd Nor<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pembangunan & Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Corresponding author: norwaliza@fpm.upsi.edu.my

Received: 14 April 2024 | Accepted: 10 May 2024 | Published: 15 June 2024

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan modul kosa kata kerja bahasa melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan tamil tahun 4 dalam pembinaan ayat. Kajian ini melibatkan 68 orang responden dalam kalangan guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan tamil di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dan data soal-selidik dianalisis menggunakan SPSS Versi 27.0 untuk mencari min dan sisihan piawai. Melalui penganalisan data, didapati bahawa guru di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk yang mengajar bahasa Melayu di sekolah Tamil memerlukan modul untuk meningkatkan penguasaan kosa kata kerja murid tahun empat. Kajian ini akan menganalisis keperluan guru dalam Pembangunan modul KOKAJA untuk kegunaan murid tahun 4. Kajian ini menggunakan soal selidik *google form* untuk guru-guru di SJKT daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

**Kata kunci:** Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Modul Kokaja, penguasaan kosa kata kerja

**Abstract:** This study aims to identify the needs of the Malay verb vocabulary module among Year 4 Tamil school students in sentence construction. This study involved 68 respondents among teachers who teach Malay in Tamil schools in the districts of Hilir Perak and Bagan Datuk. This study is a descriptive survey and the questionnaire data is analyzed using SPSS Version 27.0 to find the mean and standard deviation. Through data analysis, it was found that teachers in the districts of Hilir Perak and Bagan Datuk who teach Malay in Tamil schools need a module to improve the vocabulary mastery of year four students. This study will analyze the needs of teachers in the development of the KOKAJA module for use by year 4 students. This study uses a google form questionnaire for teachers in SJKT in Hilir Perak and Bagan Datuk districts.

**Keywords:** Tamil School, Kokaja Module, mastery of verb vocabulary

**Cite this article:** Thilagavati Maniam, Norwaliza Abdul Wahab & Mariyati Mohd Nor. (2024). Pembangunan Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) Bahasa Melayu: Analisis Keperluan Guru. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 4 (2), p. 25-37.

## PENGENALAN

Zamri, (2021) menyatakan bahawa isu bahasa tidak pernah lekang bermula daripada Laporan Fenn Wu (1951) hingga ke wujudnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006- 2010 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM,2006) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

PPPM 2013-2025 (KPM,2013). Hal ini menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di negara ini. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad, (2018) yang mendapati murid India mengalami kesukaran dan kekeliruan mempelajari bahasa Melayu sehingga mereka sukar untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Kegagalan murid untuk menguasai kosa kata yang baik menjadikan ayat yang ditulis sukar difahami maksudnya dengan jelas KPM (2018). Tambahan pula, kegagalan murid untuk mengolah isi karangan dengan baik berpunca daripada kegagalan menguasai aspek kosa kata. Kajian Atika et al. (2021), mendapati bahawa masalah kekurangan kosa kata ini memberi kesan yang jelas dalam penulisan karangan.

### **Latar Belakang Kajian**

Satu kajian impak MBMMBI telah dilaksanakan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap kompetensi murid sekolah rendah dalam Bahasa Melayu dengan skala Cemerlang (90%-100%), Baik (80%-89%), Harapan (60%-79%), Memuaskan (40%-59%), Lemah (20%-39%) dan Sangat Lemah (0%-19%). Tahap kompetensi diukur mengikut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2010. Berikut adalah tahap kompetensi murid sekolah rendah dalam Bahasa Melayu.

Jadual 1. Perbandingan Kompetensi Murid dalam Bahasa Melayu

Peringkat	Sekolah rendah	Tahap
Pembelajaran	65.3%	Harapan
<b>Ujian bertulis BM</b>	<b>38.4%</b>	<b>Lemah</b>
Ujian lisan	57.9%	Memuaskan
Kompetensi murid	55.4%	Memuaskan

Sumber: Buku hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025

Berdasarkan buku hala tuju pendidikan bahasa melayu 2016 – 2025, Kementerian Pendidikan Malaysia , satu kajian Impak Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) 2015–2016 yang telah dilaksanakan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati tahap kompetensi murid sekolah rendah dalam Bahasa Melayu diukur mengikut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2010. Berdasarkan buku hala tuju pendidikan bahasa melayu 2016 – 2025, didapati pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu sekolah rendah dalam aspek pembelajaran murid berada pada tahap harapan (65.3%), penulisan pada tahap Lemah (38.4%) manakala lisan pula berada pada tahap memuaskan (57.9%).

Hal ini menunjukkan bahawa murid sekolah rendah perlu diberi pendedahan asas tentang teknik penulisan yang sistematik sejak awal persekolahan. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dibuat untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi dalam penulisan bahasa Melayu bagi murid-murid bukan Melayu. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh murid bukan Melayu adalah kosa kata terutamanya dalam kata kerja semasa penulisan. Murid India membuat kesalahan morfologi yang merangkumi kesalahan penggunaan imbuhan, penggolongan kata, penggunaan kata ganti nama, kata kerja, kata adjektif dan sebagainya ( Haizah Bukari & Norazana Awang Kechik 2022). Sehubungan dengan itu pengkaji ingin membantu murid-murid India yang berada di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dengan membangunkan satu modul kosa kata kerja bagi murid-murid tahun 4. Ini adalah kerana murid-murid tahun 4 adalah murid-murid yang baru melangkah ke tahap 2.

## Pernyataan Masalah

Jazuli, Din, dan Yunus, (2019) menyatakan bahawa kosa kata yang terhad telah menyebabkan murid menghadapi kesukaran dalam mendengar dan bertutur dengan perkataan yang tepat, membaca, memahami dan menaakul petikan serta menghasilkan penulisan yang mantap. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad (2018) yang mendapati murid India mengalami kesukaran dan kekeliruan mempelajari Bahasa Melayu sehingga mereka sukar untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Masalah percampuran kod antara bahasa Tamil dengan bahasa Melayu turut membantutkan pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India ( Haizah Bukari & Norazana Awang Kechik 2022).

Bayuong, Ajop, Legak dan Yunus, (2019) menerangkan pembelajaran kosa kata adalah sebahagian asas yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak sekolah rendah. Dalam konteks ini bermakna penulisan akan menjadi kurang berkesan sekiranya seseorang murid tidak mampu menguasai kosa kata sepanjang waktu pembelajaran. Kenyataan ini selari dengan pendapat Noor Habsah dan Yahya,(2018) masalah kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat menghuraikan idea dengan baik bahkan menggunakan perkataan daripada bahasa ibunda untuk melahirkan idea dalam penulisan. Pelajar bukan Melayu turut menghadapi masalah kosa kata yang terhad. Hal ini dikatakan begitu kerana kesan daripada kekurangan perbendaharaan kata menyebabkan pelajar cenderung menggunakan bahasa ibunda dalam penulisan mereka (Rozana Jaafar 2020).

Berdasarkan Standard Prestasi Kemahiran Menulis bagi murid SJKT, didapati murid tidak dapat menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Kajian yang dijalankan oleh Nor’Azian dan Fadzilah (2018), di bawah tajuk “Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Bukan Penutur Natif di sekolah Jenis kebangsaan (SJK)”, membuktikan bahawa ketidaklancaran kemahiran membaca dan kelemahan penguasaan kemahiran menulis dilihat sebagai punca kemerosotan pencapaian akademik di sekolah rendah.

Kekurangan kosa kata dan pengaruh bahasa ibunda menyebabkan murid-murid sekolah rendah jenis kebangsaan menghadapi masalah seperti kesalahan imbuhan. Terdapat banyak kajian yang membuktikan kesalahan imbuhan masih berlaku dalam kalangan pelajar, contohnya melalui kajian yang dijalankan oleh Alhaadi et.al... (2018). Kaedah pengajaran guru yang bersifat konvensional dan satu hala menyebabkan masalah penguasaan kemahiran bahasa murid di sekolah (Zamri, 2020; Jayaganes & Khairul Azhar, 2021). Faktor pengajaran guru juga dipengaruhi oleh penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang tidak sesuai dan tidak menarik. Menurut Mazni Muhammad, (2019) pengaplikasian BBM secara meluas telah menjadikan bahan tersebut sebagai suatu alat yang dapat memberikan keseronokkan serta dapat menarik minat murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang disampaikan oleh guru.

## Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan terhadap guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Tamil di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid tahun 4 dalam penguasaan kosa kata kerja bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil serta mengetahui keperluan modul khas . Hasil kajian Thibbah & Fadzilah Amzah, (2021) membuktikan bahawa pengekalan pencapaian kosa kata murid meningkat melalui Modul Kadimel yang menekankan pembelajaran bahasa. Justeru, penggunaan kaedah modul dilihat mampu meningkatkan ingatan murid terhadap ilmu yang diperoleh dalam jangka masa yang panjang.

## Soalan Kajian

- i. Apakah persepsi guru terhadap tahap penggunaan murid dalam kosa kata kerja bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu tahun 4 di SJKT?
- ii. Apakah keperluan guru dalam pembangunan modul kosa kata kerja (KOKAJA) bahasa Melayu bagi murid tahun 4 SJKT?

## TINJAUAN LITERATUR

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengkaji kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid di sekolah rendah. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menegaskan matlamat utama kurikulum Bahasa Melayu bertujuan melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri melibatkan urusan harian, pendidikan dan pekerjaan dengan menggunakan peraturan berbahasa mengikut disiplin yang ditetapkan. Oleh itu, murid di SJK perlu diberikan persediaan secukupnya agar mereka mempunyai asas penguasaan yang kukuh dalam bahasa Melayu. Kegagalan dalam penguasaan bahasa Melayu akan menyebabkan mereka tercicir daripada proses persekolahan menengah. Kartika Martha, (2022) menyatakan bahawa murid yang lemah dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua salah satu puncanya kurang rasa minat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Konstruktivisme merupakan satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Konstruktivisme merupakan pembelajaran di manamanusia belajar melalui persekitaran (Rasdi, S. S., et. al, 2021). Dalam proses ini, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru. Dalam kajian ini pelajar telah sedia ada pengetahuan tentang kata kerja dan pembinaan ayat pada tahap 1. Teori konstruktivisme membantu guru dalam merancang pelajaran manakala teori kognitif pula membantu murid dalam penguasaan kosa kata kerja dan pembinaan ayat. Guru hendaklah mengaitkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid. Menurut Nurfatimah, (2019) pula menyatakan bahawa pengetahuan tidak diperoleh oleh seseorang melainkan pengetahuannya dibentuk berdasarkan pengalaman sedia ada.

ADDIE merupakan satu model yang sistematik di mana dapat memandu amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih terperinci bagi tujuan pembangunan, penilaian dan penyelenggaraan situasi modul pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran yang diharapkan. Model ADDIE ini sangat membantu untuk penghasilan modul dimana fasa analisis dapat mengetahui keperluan kajian ini. Pembinaan modul yang dicadangkan juga dapat memudahkan guru-guru dalam menyampaikan pengajaran dan membantu memotivasikan murid untuk minat belajar (Wahab et.al..2021).

Menurut Nurul Adzwa et al. (2020), kewajaran pemilihan karangan juga untuk menggalakkan penghasilan penulisan yang pelbagai yang dalamnya terkandung isu-isu berkaitan kesalahan tatabahasa. Zamri et.al (2018), 89% murid bukan Melayu menunjukkan kelemahan dalam tatabahasa. Murid yang lemah dalam tatabahasa memudahkan mereka melakukan kesilapan. Amirra Shazreena dan Vijayalethchumy (2019) dalam kajian mereka turut menyatakan bahawa murid bukan penutur natif menghadapi masalah untuk menguasai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran. Siti Rahayu dan Sharil Nizam (2020) turut berpendapat murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua lebih bermasalah dalam penguasaan tatabahasa.

Menurut Khatijah dan Hakim (2018) pula, faktor permasalahan dalam mengetahui makna perkataan atau kosa kata merupakan penyebab kepada kegagalan penguasaan kosa kata dengan baik. Kajian oleh Paramasivam Muthusamy (2017) menyatakan bahawa telah wujud

kekeliruan penggunaan bahasa Melayu yang betul disebabkan kelemahan penguasaan kosa kata. Rohaida et al. (2020), masalah menulis merupakan satu masalah hingga kini yang masih tidak dapat diselesaikan. Menurutnya, sehingga kini masih terdapat murid sekolah rendah dan menengah tidak boleh menulis dan situasi ini perlu ditangani dengan segera kerana masalah menguasai kemahiran menulis boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Oleh itu, penggunaan modul dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian telah membuktikan penggunaan modul berjaya membantu. Hasnurol et.al.(2020). Menurut Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman (2018), modul didapati memberikan kebaikan terhadap murid dan tenaga pengajar apabila penggunaan bahan ini didapati mampu mengurangkan beban guru dan memudahkan penerimaan murid terhadap pembelajaran bahasa. Hasil kajian Thibbah & Fadzilah Amzah, (2021) membuktikan bahawa pengekalan pencapaian kosa kata murid meningkat melalui Modul Kadimel yang menekankan pembelajaran bahasa. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Ling, S. K. (2018) terhadap keberkesanannya Modul Bacaan Bergred membuktikan bahawa penggunaan modul tersebut dapat meningkatkan penguasaan murid untuk membaca. Kajian Muhamad Fadhil, (2022) yang menyatakan pembangunan modul seni Bahasa berdasarkan pendekatan didik hibur memberi suasana pembelajaran yang baik. Menurut Nordina & Norwaliza, (2021) bukan murid Orang Asli sahaja, guru juga boleh mendapat satu pendekatan baru dalam mutu pengajaran melalui Modul Sekolah Rimba. Ini menunjukkan modul dapat membantu murid dan guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini lebih berpaksikan kepada tinjauan berbentuk kuantitatif. Tinjauan deskriptif ini lebih sesuai untuk kajian ini di mana bentuk kajian ini akan meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam penguasaan kosa kata dan kemahiran membina ayat serta keperluan modul khas untuk meningkatkan penguasaan kosa kata kerja oleh golongan guru semasa menyampaikan pengajaran kemahiran membina ayat kepada murid tahun empat yang belajar di sekolah Tamil di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

Peserta kajian telah diberikan satu set soal selidik kajian dalam bentuk *google form* untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam penguasaan kosa kata kerja dan kemahiran membina ayat serta keperluan modul khas untuk meningkatkan penguasaan kosa kata kerja oleh golongan guru semasa menyampaikan pengajaran kemahiran membina ayat. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik yang diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Revathi (2022). Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= setuju dan 5= sangat setuju. Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian A adalah Demografi Responden yang mengandungi 4 soalan berkaitan jantina, jawatan, umur, pengalaman mengajar serta kelulusan akademik responden kajian. Bahagian B berkaitan dengan persepsi guru terhadap pengajaran bahasa melayu dan pembelajaran kosa kata manakala Bahagian C pula meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat. Bahagian D ialah strategi pengajaran guru manakala bahagian E pula persepsi guru terhadap keperluan modul khas.

Responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah Tamil di daerah Hilir Perak dan daerah Bagan Datuk. Terdapat 11 buah sekolah tamil di daerah Hilir Perak dan 16 buah sekolah tamil di daerah Bagan Datuk. Seramai 68 orang responden terlibat dalam kajian yang diuruskan sendiri oleh pengkaji. Kesemua responden

merupakan guru sekolah Tamil yang mengajar Tahun Empat di daerah Hilir Perak dan daerah Bagan Datuk. . Data yang diperoleh dianalisis deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS Versi 27.0. Antara analisis yang dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif meliputi peratus, kekerapan dan skor min. Analisis ini digunakan untuk menunjukkan komposisi responden dan ciri-ciri demografi guru seperti jantina, jawatan, umur, pengalaman mengajarkan bahasa Melayu, dan kelulusan akademik.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan secara terperinci dapatan kajian berhubung dengan persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat dan persepsi guru terhadap keperluan modul khas untuk meningkatkan penguasaan murid dalam kosa kata kerja bagi kemahiran membina ayat. Analisis ini diperoleh berdasarkan soal selidik guru yang mengajar bahasa Melayu Tahun Empat sekolah Tamil di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

### Demografi Responden Kajian Soal Selidik Guru


Taburan data responden diperihalkan dalam Jadual 1 yang meliputi jantina, jawatan, umur, pengalaman mengajarkan bahasa Melayu, dan kelulusan akademik.

Jadual 2. Demografi Responden Kajian

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	21	69.1
	Perempuan	47	30.9
<b>Umur</b>	20-29 tahun	14	20.6
	30 – 39 Tahun	27	39.7
	40 – 49 Tahun	22	32.4
	50 – 59 Tahun	5	7.4
<b>Jawatan</b>	Guru Subjek BM	56	82.4
	Guru Cemerlang BM	2	2.9
	Ketua Panitia BM	5	7.4
	Jurulatih Utama BM	4	5.9
	Lain-Lain	1	1.5
<b>Pengalaman</b>	6 - 10 Tahun	10	14.7
	11 – 15 Tahun	31	45.6
	16 – 20 Tahun	10	14.7
	21 – 25 Tahun	9	13.2
	26 – 30 Tahun	8	11.8

Bahagian ini menerangkan ringkasan maklumat latar belakang responden. Maklumat demografi juga disertakan dalam bahagian ini iaitu Jantina, Umur, Jawatan dan juga pengalaman guru mengajar. Berdasarkan dapatan kajian, responden di kalangan jantina perempuan adalah yang telah menjawab soal selidik dengan jumlah tinggi (69.1%) manakala bagi responden jantina lelaki hanya berjumlah sebanyak 30.9%. Selain itu, berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa responden guru Bahasa melayu di SJKT kebanyakannya berumur antara 30 – 39 tahun dan 40 – 49 tahun dengan peratusan sebanyak 39.7% dan 32.7% masing masing. Kadar umur yang terendah ialah antara 50 – 59 tahun dengan hanya frekuensi sebanyak 5 orang sahaja. Seterusnya, Majoriti daripada responden yang dipilih ialah merupakan Guru Subjek Bahasa Melayu dengan peratusan sebanyak 82.4% manakala responden berjawatan Lain lain dan guru cererlang Bahasa melayu ialah yang terendah dengan peratusan sebanyak

1.5% dan 2.9%. Akhir sekali, kebanyakan guru daripada kalangan responden adalah merupakan berpengalaman sebanyak 11 – 15 tahun dengan peratusan sebanyak 45.6%.



Graf 1. Demografi responden kajian soal-selidik guru

Setiap skor tahap penguasaan murid akan dianalisis dan diberi interpretasi yang diadaptasi daripada Mohamad Yazid (2017). Tahap penguasaan murid yang memperoleh skor 1.00 hingga 2.33 menunjukkan nilai min berada pada tahap rendah, skor 2.34 hingga 3.66 menunjukkan min berada pada tahap sederhana. Nilai min tahap tinggi ditentukan pada skor 3.67 hingga 5.00. Semua nilai min dan sisihan piawai dibundarkan kepada dua titik perpuluhan. Interpretasi skor dapat diperhatikan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Tahap interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi skor
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

#### Persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat

Jadual 4. Tahap penguasaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat

Statistik Deskriptif		Min	Sisihan Piawai	Tahap min
No	Item			
1	Murid saya menguasai kemahiran asas menulis.	3.91	0.748	Tinggi
2	Murid saya dapat menulis perkataan dan frasa dengan betul.	3.12	1.07	Sederhana
3	Murid saya dapat membina ayat tunggal berdasarkan gambar dengan kosa kata yang sesuai.	2.97	0.962	Sederhana
4	Murid saya dapat membina ayat majmuk berdasarkan gambar dengan kosa kata yang tepat.	2.76	0.994	Sederhana
5	Murid saya dapat membina ayat kurang daripada empat patah perkataan.	3.69	0.718	Tinggi

6	Murid saya dapat membina ayat kurang daripada lima patah perkataan.	3.79	0.802	Tinggi
7	Murid saya dapat menulis ayat dengan penggunaan kata kerja yang betul.	3.16	0.784	Sederhana
8	Murid saya dapat menulis ayat dengan ejaan kosa kata kerja yang betul.	3.25	0.799	Sederhana
9	Murid saya dapat menulis ayat dengan imbuhan yang betul.	3.13	0.621	Sederhana
10	Murid saya mampu membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa.	3.21	0.764	Sederhana
11	Murid saya dapat menulis kata kerja transitif berdasarkan gambar.	3.00	0.642	Sederhana
12	Murid saya dapat menulis kata kerja tak transitif berdasarkan gambar.	2.90	0.933	Sederhana
13	Murid saya dapat membina ayat aktif tanpa bimbingan guru.	2.96	0.905	Sederhana
14	Murid saya lebih cenderung membina ayat pendek semasa membuat latihan membina ayat.	3.90	0.650	Tinggi
15	Murid saya dapat membina ayat yang lengkap berdasarkan gambar yang diberikan.	2.74	0.924	Sederhana
<b>Purata</b>		<b>3.23</b>	<b>0.138</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 4 menunjukkan persepsi guru terhadap tahap pengusaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat. Purata keseluruhan bagi tahap pengusaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat berada pada tahap sederhana dengan purata nilai min 3.23 dan sisihan piawai .138. Daripada 15 persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kosa kata semasa membina ayat yang dikemukakan “ Murid saya menguasai kemahiran asas menulis” yang mempunyai nilai min yang paling tinggi dengan nilai 3.91 dan sisihan piawai .748. Interpretasi tahap nilai min yang tinggi yang lain pula adalah bagi item “Murid saya lebih cenderung membina ayat pendek semasa membuat latihan membina ayat” dengan nilai min 3.90 dan sisihan piawai .650. “Murid saya dapat membina ayat kurang daripada lima patah perkataan” dengan nilai min 3.79 dan sisihan piawai .802. “ Murid saya dapat membina ayat kurang daripada empat patah perkataan” dengan nilai min 3.69 dan sisihan piawai .718. Manakala item “Murid saya dapat membina ayat yang lengkap berdasarkan gambar yang diberikan” berada pada tahap yang paling sederhana iaitu nilai min 2.74 dengan sisihan piawai .924. Item “Murid saya dapat membina ayat majmuk berdasarkan gambar dengan kosa kata yang tepat” berada di tahap sederhana dengan nilai min 2.76 dan sisihan piawaian .994. Item “Murid saya dapat menulis kata kerja tak transitif berdasarkan gambar” juga berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.90 dan sisihan piawai .932. Item “Murid saya dapat membina ayat aktif tanpa bimbingan guru” dengan nilai min 2.96 dan sisihan piawai .905. “Murid saya dapat membina ayat tunggal berdasarkan gambar dengan kosa kata yang sesuai” dengan nilai min 2.97 dan sisihan piawai .962. Kedua-dua item ini berada pada tahap yang sederhana. Item-item lain yang berada pada tahap sederhana adalah seperti “Murid saya dapat menulis kata kerja transitif berdasarkan gambar”, “Murid saya dapat menulis perkataan dan frasa dengan betul”, “Murid saya dapat menulis ayat dengan imbuhan yang betul”, “Murid saya dapat menulis ayat dengan penggunaan kata kerja yang betul” menunjukkan persepsi guru-guru yang kurang setuju dan tidak setuju dengan hasil kerja murid- murid SJKT dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Selain itu, item “Murid saya mampu membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa”

dengan nilai min 3.21 dan sisihan piawai .764. Item “Murid saya dapat menulis ayat dengan ejaan kosa kata kerja yang betul” dengan nilai min 3.25 dan sisihan piawai .799. Kedua-dua item ini berada pada tahap sederhana.

### **Persepsi Guru Terhadap Keperluan Modul Khas**

Jadual 5. Keperluan Modul Khas

<b>Statistik Deskriptif</b>		<b>No</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap min</b>
1	Penggunaan Modul khas akan membantu murid untuk meningkatkan penguasaan kosa kata.	4.79	0.505	Tinggi		
2	Penggunaan modul khas dapat menarik minat murid terhadap pembelajaran kemahiran membina ayat.	4.79	0.612	Tinggi		
3	Saya lebih suka menggunakan modul khas untuk meningkatkan penguasaan kosa kata semasa mengajarkan kemahiran membina ayat berbanding buku teks.	4.77	0.492	Tinggi		
4	Saya lebih suka jika disediakan modul khas bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dalam mengajarkan kemahiran membina ayat.	4.82	0.455	Tinggi		
5	Modul khas dapat membantu saya untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam mengajar kemahiran membina ayat dengan lebih efisien.	4.77	0.522	Tinggi		
6	Modul khas akan menyediakan lebih banyak contoh sebagai panduan kepada murid untuk meningkatkan penguasaan kosa kata.	4.73	0.614	Tinggi		
7	Modul khas dapat digunakan sebagai bahan sokongan untuk menjalankan aktiviti dalam meningkatkan penguasaan kosa kata dalam bilik darjah.	4.71	0.670	Tinggi		
8	Penekanan kaedah pengajaran berbantuan modul pembelajaran merupakan cara yang sesuai dan berkesan.	4.72	0.619	Tinggi		
9	Modul khas bertindak sebagai bahan alternatif untuk melaksanakan aktiviti pengajaran secara lebih sistematik.	4.78	0.514	Tinggi		
10	Modul khas membantu guru merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran sama ada secara individu atau kumpulan	4.76	0.576	Tinggi		
11	Pada pendapat saya, penggunaan modul khas selain buku teks menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik.	4.79	0.475	Tinggi		
<b>Purata</b>		<b>4.77</b>	<b>0.450</b>	<b>Tinggi</b>		

Jadual menunjukkan Persepsi Guru Terhadap Keperluan Modul Khas. Purata keseluruhan bagi keperluan modul khas berada pada tahap tinggi dengan purata nilai min 4.77 dan sisihan piawai .450. Kesemua item Persepsi Guru Terhadap Keperluan Modul Khas ini berada pada tahap tinggi. Dari pada 11 item yang dikemukakan item “Saya lebih suka jika disediakan modul khas bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dalam mengajarkan kemahiran membina ayat”

mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.82 dengan sisihan piawai .455. “Penggunaan Modul khas akan membantu murid untuk meningkatkan penguasaan kosa kata”, “Penggunaan modul khas dapat menarik minat murid terhadap pembelajaran kemahiran membina ayat” dan “Pada pendapat saya, penggunaan modul khas selain buku teks menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik” mempunyai nilai min yang sama iaitu 4.79. Item “Modul khas bertindak sebagai bahan alternatif untuk melaksanakan aktiviti pengajaran secara lebih sistematik” mempunyai nilai min 4.78 dengan sisihan piawai .513. “Saya lebih suka menggunakan modul khas untuk meningkatkan penguasaan kosa kata semasa mengajarkan kemahiran membina ayat berbanding buku teks” dan “Modul khas dapat membantu saya untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam mengajar kemahiran membina ayat dengan lebih efisien” adalah item-item yang mempunyai nilai min yang sama iaitu 4.77. Manakala Item “Modul khas membantu guru merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran sama ada secara individu atau kumpulan” dengan nilai min 4.76 dan sisihan piawai .576. “Modul khas akan menyediakan lebih banyak contoh sebagai panduan kepada murid untuk meningkatkan penguasaan kosa kata.” dengan nilai min 4.76 dan sisihan piawai .576. “Modul khas akan menyediakan lebih banyak contoh sebagai panduan kepada murid untuk meningkatkan penguasaan kosa kata” dengan nilai min 4.73 dan sisihan piawai .613. Manakala item “Penekanan kaedah pengajaran berbantukan modul pembelajaran merupakan cara yang sesuai dan berkesan.” berada dengan nilai min 4.72 dengan sisihan piawai .620. Item “Modul khas dapat digunakan sebagai bahan sokongan untuk menjalankan aktiviti dalam meningkatkan penguasaan kosa kata dalam bilik darjah” berada dengan nilai min 4.71 dan sisihan piawaian .670.

## **ANALISIS DOKUMEN**

### **Demografi responden kajian (murid)**

Seramai 10 orang murid sekolah Tamil dipilih secara rawak (*purposive sampling*) bagi menjalankan analisis dokumen. Sebanyak lima buah sekolah Tamil dalam daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk dilibatkan dalam kajian ini. Daripada setiap sekolah lima buah buku latihan penulisan dikumpulkan bagi menjalankan analisis dokumen. Taburan data responden diperihalkan dalam jadual

Jadual 6. Taburan murid mengikut sekolah

<b>Nama sekolah</b>	<b>Bilangan murid</b>	<b>Bilangan buku latihan penulisan</b>
A	2	3
B	2	3
C	2	3
D	2	3
E	2	3

Jumlah buku : 10 buku latihan penulisan

### **Analisis dokumen murid**

Proses analisis keperluan selain responden guru menjawab soal-selidik, kajian juga melibatkan analisis dokumen iaitu menganalisis buku latihan penulisan murid. Penyelidik menggunakan bukti dokumen sebagai salah satu teknik pengumpulan data selain instrumen soal-selidik. Analisis dokumen dalam kajian ini dilakukan untuk menyokong dapatan daripada soal-selidik. Proses analisis dokumen dijalankan dengan menggunakan hasil kerja murid dalam membina ayat bahasa Melayu.

### **Dapatan analisis buku latihan penulisan murid**

Jadual 7. Dapatan analisis buku latihan penulisan murid dalam kemahiran menulis ayat

Jenis-jenis kesalahan	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10
Lemah menguasai kosa kata bahasa Melayu	x	x	x	x	x	x		x	x	x
Kurang perbendaharaan kata dalam ayat	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Kesalahan imbuhan dalam ayat	x		x	x		x		x		x
Kesalahan struktur ayat	x	x		x		x		x		x
Menulis ayat tergantung	x		x		x		x		x	

\*Petunjuk: M ialah murid yang terlibat sebagai responden

## **PERBINCANGAN**

Dapatan berkenaan tahap penguasaan murid dalam kosa kata dalam kemahiran membina ayat didapati bahawa, walaupun murid sekolah Tamil berjaya menguasai kemahiran asas menulis, namun mereka masih lemah dalam membina ayat yang lengkap berdasarkan gambar yang diberikan. Pada masa yang sama, mereka juga masih lemah dalam membina ayat majmuk berdasarkan gambar dengan kosa kata yang tepat dan membina ayat tunggal berdasarkan gambar dengan kosa kata yang kurang sesuai. Selain itu, mereka juga lemah dalam menulis kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif berdasarkan gambar dalam ayat. Kebanyakkan murid sekolah Tamil hanya membina ayat kurang daripada empat patah perkataan. Mereka menulis ayat dengan penggunaan kata kerja yang kurang tepat. Ini menunjukkan penguasaan kosa kata mereka adalah lemah. Selain itu, persepsi guru terhadap keperluan modul khas adalah tinggi. Guru-guru lebih suka jika disediakan modul khas bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dalam mengajarkan kemahiran membina ayat. Bahan sokongan seperti modul amat digalakkan (Raja Gopal et al., 2020). Analisis dokumen juga menunjukkan memang terdapat masalah dalam penguasaan kosa kata kerja dalam penulisan ayat.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan murid di SJKT memang menghadapi masalah dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Ini dapat dibuktikan dalam persepsi guru dan analisis buku latihan murid di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk. Oleh itu, pembangunan modul KOKAJA yang berasaskan konsep konstruktivisme amat diperlukan untuk menyampaikan pengajaran dengan cekap, tepat dan berkesan. Persepsi guru dalam keperluan modul juga menunjukkan permintaan yang tinggi. Ini menunjukkan guru-guru di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk bersetuju dan amat memerlukan modul KOKAJA sebagai bahan sokongan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata kerja untuk penulisan ayat bahasa Melayu yang mantap. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan tahap pencapaian murid SJKT dalam bahasa Melayu penulisan.

## **RUJUKAN**

- Amirra Shazreena, A. R. & Subramaniam, V. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-1

- Anida, S., Husna Faredza, M. R., Zulkifli, O. & Intan Safinas, M. A. B. (2019). Using the Cognitive Research Trust scale to assess the implementation of the elements of higher-order thinking skills in Malay Language teaching and learning. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8(2S2): 392-398.
- Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman. (2018). Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu elektif berdasarkan pendekatan pengajaran secara kontekstual. 6: 74-117. *Transformasi dan Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Bahagian Pendidikan Guru.
- Loh, P. W., Zanaton, I. (2019). Meningkatkan penguasaan kemahiran menulis ayat mudah dengan Pakej Peranti SBK. *E-Prosing Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Fuad Abd. Rahman. (2018). Aplikasi, sikap dan masalah guru dan murid di SJK Tamil terhadap pembelajaran dan pemudacaraan Bahasa Melayu berkonsepkan *flipped classroom*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Yazid, M. (2017). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang etnik Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1), 85-92.
- Norazilawati, A. (2020). *Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21*: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak
- Noor Habsah, A. & Yahya, O. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41.
- Nor'Azian, N. & Fadzilah, A. R. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 74-83
- Nordin Nordina & Norwaliza, (2021). Kertas konsep pembangunan Modul Sekolah Rimba berasaskan pengetahuan peribumi bagi mengekalkan kelestarian masyarakat orang asli. *Asian Pendidikan* Vol.(1)
- Norliza, N. & Wan Muna Ruzzana, W. M. (2018). Penjanaan idea dalam penulisan karangan dengan menggunakan Modul PERHALUS. *Prosiding Seminar Penyelidikan Peringkat Kebangsaan 2018*
- Norlizah, M. A. & Fadzilah, A. R. (2016). Sikap guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1–8.
- Nurfaradilla, M. N. (2021). Sikap dan motivasi murid India sekolah rendah pedalaman Tamil dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331-341.
- Raja Gopal, R., Janan, D., & Masran. N., (2020) Need analysis on development of Watak Module to improve Malay sentence skills for Tamil school students. *Journal of Critical Reviews*, 7(16), 327 – 3331.
- Revathi Raja Gopal. (2021). *Kekangan kemahiran membina ayat Bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun empat SJKT*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak
- Saraswathy Pormalu @ Perumal, Rohaidah, Kamaruddin, Paramasivam Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari, and Husna Hidayah Mansor, (2017) Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5 (1).
- Saemah, R. & Zamri, M. (2017). *Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa: Mengoptimumkan Pembelajaran Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Thibbah A/P Gatanagayan & Fadzilah Amzah. (2021). Modul Kadimel: Reka bentuk pembangunan modul pembelajaran kosa kata yang lebih afdal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12), 109-124.
- Zaleha, A. & Zubaidah, O. (2014). Kemahiran menulis: Peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar melalui Program ‘Tinta Emas.’ *Seminar Bahasa Melayu*:146–155.
- Zamri, M. & Anita, A. R. (2020). *Profesjon Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri, M., Kamiliah Ayu, A. G. & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 38-51.
- Zulkifli, O. (2013). *Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu* (tesis Falsafah Kedoktoran). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.